

19 JAN 2004

PEMBANGKANG PERKECIL PM UNTUK KEPENTINGAN POLITIK

GURUN, 19 Jan (Bernama) -- Parti pembangkang hanya bertujuan mencari keuntungan politik semata-mata apabila memperkecilkan kewibawaan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan mendakwa dibayangi Tun Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin yang kesal dengan perbuatan itu berkata pembangkang tidak akan senang kerana Abdullah meneruskan dasar yang diwarisi daripada Datuk Onn Jaafar sehingga Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

"Pak Lah (Abdullah) tidak dibayangi oleh sesiapaupun tetapi oleh dasar kepimpinan negara, falsafah dan kejatian diri yang sambung menyambung," katanya pada majlis makan malam sempena pertandingan golf bagi mengutip derma pembinaan masjid Bedong di Kelab Golf Permaipura di Bedong malam tadi.

Katanya pembangkang terus berusaha memperkecilkan kewibawaan Abdullah berikutan dasar tidak bertolak ansurnya dengan golongan politik perkauman, jumud, cauvinis selain tentangan Perdana Menteri terhadap anasir yang menyemai benih perpecahan dalam masyarakat majmuk.

"Pembangkang sebenarnya tidak dapat melihat perbezaan antara Abdullah dan Dr Mahathir. Sokongan dan keyakinan rakyat terhadap Abdullah sejak mengambil alih daripada Dr Mahathir jelas menunjukkan kepimpinan beliau diterima," katanya.

-- BERNAMA

ZA MAN ROS